



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA

Pada Minggu Epidemiologi ke-15 (ME 15/2023) iaitu dari 9 April 2023 hingga 15 April 2023, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital KKM bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak 26.2% berbanding minggu sebelumnya. Majoriti pesakit yang dimasukkan ke hospital adalah golongan berisiko tinggi seperti warga emas dan individu dengan komorbid. Namun peningkatan ini tidak membebankan perkhidmatan kesihatan dan hospital masih beroperasi seperti biasa.

Dari 1 Januari 2023 hingga 15 April 2023, kadar kes kematian (*Case Fatality Rate - CFR*) COVID-19 dilaporkan adalah 0.3% (berbanding gelombang Delta dengan CFR yang tinggi iaitu sebanyak 2.1%). Sebanyak 80.7% melibatkan pesakit berumur 60 tahun dan ke atas, manakala 82.6% adalah dalam kalangan individu dengan komorbid. Kematian pesakit yang tidak pernah divaksinasi adalah enam (6) kali lebih tinggi berbanding pesakit yang mendapat satu dos penggalak.

Berdasarkan data pada tahun 2023, sehingga 17 April, hanya 50% (16,327,196) penduduk Malaysia telah menerima dos penggalak pertama dan 2.5% (819,150) sahaja telah menerima dos penggalak kedua. Risiko kemasukan ke hospital dan keterukan gejala boleh dikurangkan dengan pengambilan dos penggalak. Justeru, orang ramai terutamanya bagi individu

yang berisiko tinggi disarankan untuk mendapatkan dos penggalak disebabkan berlaku penurunan imuniti (*waning immunity*) dalam tempoh 3 hingga 6 bulan daripada dos terakhir.

Rakyat Malaysia akan menyambut Syawal tidak lama lagi. Meskipun kita telah berada dalam Fasa Peralihan COVID-19, perlu diingatkan bahawa jangkitan COVID-19 masih dilaporkan dalam kalangan komuniti dan usaha mengawal penularan COVID-19 sentiasa perlu diteruskan. Justeru, bagi memastikan situasi COVID-19 dalam negara berada pada tahap terkawal, setiap individu dan masyarakat perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing. KKM ingin mengingatkan agar masyarakat untuk:

- i. Sentiasa mengamalkan TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform, Seek) bagi yang bergejala;
- ii. Jika ujian COVID-19 didapati positif, asingkan diri, kekal berada di rumah dan tidak menerima tetamu.
- iii. Orang ramai digalakkan memakai pelitup muka di kawasan sesak, sempit, dan ramai orang bagi melindungi golongan yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu dengan komorbid atau imuniti rendah, dan kanak-kanak dari dijangkiti COVID-19;
- iv. Golongan yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu dengan komorbid atau imuniti rendah pula amat digalakkan memakai pelitup muka di kawasan sesak dan sempit bagi melindungi diri dari mendapat jangkitan COVID-19; dan
- v. Sentiasa mengamalkan kebersihan sendiri dengan mencuci tangan menggunakan sabun atau hand sanitizer.

Selain itu, KKM juga ingin menasihatkan orang ramai untuk mendapatkan rehat yang cukup sebelum memulakan perjalanan. Berhenti rehat seperti singgah di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) untuk mengurangkan stress

dan hilangkan rasa penat serta mengantuk. Semoga Aidilfitri tahun ini disambut dengan meriah dan selamat bersama keluarga tercinta.

“SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI”

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
19 April 2023